

## SKIM INSENTIF INTEGRASI TERNAKAN DENGAN SAWIT (ITe)

### 1. PENDAHULUAN

Industri sawit telah dikenal pasti sebagai Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang boleh meningkatkan pendapatan negara. Kerajaan sedang berusaha untuk memperkukuhkan lagi industri sawit negara dalam sektor pekebun kecil. Selaras dengan itu, kerajaan menerusi MPOB telah memperkenalkan Skim Insentif Integrasi Ternakan Dengan Sawit. Ia bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian melalui penggunaan tanah dan sumber semula jadi yang optimum.

### 2. OBJEKTIF

- i. Mengoptimumkan penggunaan tanah melalui amalan penternakan.
- ii. Mempelbagaikan pendapatan pekebun kecil sawit.
- iii. Meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negara.

### 3. SKOP BANTUAN

- i. Kadar siling insentif tunai bagi setiap projek ternakan:-
  - a) Ternakan ayam kampung / daging – **RM15,000.00** per projek.
  - b) Ternakan itik penelur – **RM15,000.00** per projek.
- ii. Pecahan skop bantuan adalah seperti berikut:-
  - a) **RM3,500.00** bagi kos pembinaan kandang/reban ternakan.
  - b) **RM11,500.00** bagi kos pembelian input-input projek seperti benih/anak ternakan, makanan, ubat-ubatan dan peralatan yang diperlukan.

### 4. SYARAT PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan.
- ii. Pekebun kecil sawit persendirian sahaja dengan had keseluruhan pemilikan tanah yang bertanam sawit tidak melebihi 6.5 hektar (secara agregat).
- iii. Menunjukkan bukti pemilikan atau penguasaan tanah yang sah mengikut undang-undang dan peraturan pihak berkuasa tanah negeri masing-masing (syarat penggunaan tanah **mestilah** pertanian).
- iv. Mempunyai lesen MPOB yang sah.
- v. Bukan peserta lain-lain agensi pembangunan tanah negeri atau persekutuan.
- vi. Seorang pemohon hanya layak memohon satu jenis projek penternakan sahaja.
- vii. Satu geran hanya layak diluluskan satu jenis projek penternakan sahaja.
- viii. Jika pemohon adalah merupakan pasangan suami/isteri, maka hanya seorang sahaja yang layak untuk memohon.
- ix. Telah mendaftar dengan MSPO.

### 5. SYARAT PELAKSANAAN

- i. Pemohon hanya dibenarkan melaksanakan projek penternakan setelah menerima notis kelulusan (**ITe RMK12\_05**).
- ii. Pemohon mestilah melaksanakan Amalan Penternakan Baik (tertakluk kepada sebarang pindaan dari semasa ke semasa).
- iii. Pemohon bersetuju untuk merekod dan membekalkan data-data yang diperlukan oleh pihak MPOB.
- iv. Hanya jenis-jenis ternakan yang telah disenaraikan sahaja layak menerima insentif di bawah skim ini.
- v. Sekiranya maklumat yang dinyatakan oleh pemohon dalam mana-mana peringkat pelaksanaan skim ini didapati tidak benar atau memberikan apa-apa dokumen palsu, maka permohonan atau penyertaan dalam skim ini boleh ditolak atau kelulusan ditarik balik.
- vi. MPOB berhak meminda, menambah atau membatalkan mana-mana syarat di atas pada bila-bila masa tanpa perlu memaklumkan atau mendapatkan pengesahan daripada pemohon.

## 6. KAEDAH PELAKSANAAN

- i. Pemohon yang diluluskan hendaklah menguruskan sendiri projek penternakan ini.
- ii. Pemohon hendaklah melaksanakan projek penternakan di tapak lot tanah yang diluluskan sahaja:-
  - a) tanah milik sendiri (tanah yang memiliki pokok sawit / tanah kosong / mempunyai tanaman lain).
  - b) tanah yang disewa / dipajak (perlu kemukakan dokumen berkaitan penyewaan tanah yang sah).
- iii. Lokasi tapak lot tanah yang hendak dilaksanakan projek penternakan ini mestilah berada:-
  - a) 200 meter dari kawasan perbandaran, perumahan, pelancongan, perindustrian, tempat ibadat, bangunan dan kemudahan awam
  - b) jauh dari kolam, tasik, sungai dan sumber takungan air bersih bagi kegunaan awam
- iv. Pekebun kecil hendaklah melaksanakan projek penternakan dengan menggunakan wang pendahuluan yang akan diberikan secara berperingkat selepas lawatan pemeriksaan dan pengesahan dilakukan oleh pegawai MPOB. Wang pendahuluan akan dimasukkan ke dalam akaun bank pekebun kecil.
- v. Pekebun kecil adalah disyorkan untuk membuat perancangan pemasaran hasil ternakan terlebih dahulu sebelum memilih jenis ternakan di dalam skim ini.
- vi. Pekebun kecil / pemohon bertanggungjawab memasarkan hasil ternakan mereka sendiri.

## 7. DOKUMEN-DOKUMEN PERMOHONAN YANG DIPERLUKAN

- i. Borang permohonan yang diisi lengkap dan ditandatangani oleh pemohon.
- ii. Salinan kad pengenalan.
- iii. Salinan dokumen pemilikan tanah: geran tanah (bagi lot tanah yang akan dilaksanakan projek penternakan).
- iv. Salinan lesen MPOB.
- vii. Surat akuan sumpah sebagai pekebun mengesahkan akan melaksanakan projek penternakan di lokasi yang dipohon kelulusan (**ITe RMK12\_12**).
- v. Surat wakil kuasa mengusahakan tanah (jika berkenaan).
- vi. Dokumen sewa tanah (jika berkenaan).
- vii. Salinan buku akaun bank yang masih aktif.

**Nota :** Salinan fotostat dokumen hendaklah disahkan benar seperti dokumen asal oleh Pegawai Kumpulan A.

## 8. PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

### **Ketua Unit Pemerkasaan Pekebun Kecil**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia

No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.

**(u.p: Urusetia Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit – ITe)**

ATAU

Melalui e-mel kepada sekretariat Skim Insentif Integrasi Ternakan Dengan Sawit:

**integrasi2021@mpob.gov.my**

### **Nota:**

1. *Permohonan yang akan diproses di dalam skim ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan jumlah peruntukan yang disediakan/masih ada.*
2. *Sekiranya tiada maklum balas daripada MPOB dalam tempoh 2 bulan selepas permohonan dibuat, permohonan dianggap tidak berjaya.*
3. *Keputusan Jawatankuasa permohonan adalah muktamad.*
- 4.



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN  
SKIM INSENTIF INTEGRASI TERNAKAN DENGAN SAWIT (ITe)**

**A. MAKLUMAT PEMOHON**

1. Nama: .....
2. No.Kad Pengenalan: .....
3. Umur: .....
4. Jantina: .....
5. Bangsa: .....
6. No. Tel Rumah: .....
7. No. Tel Bimbit: ..... (Pemohon) ..... (Suami / Isteri / Anak / Waris)
8. E-mel (jika berkenaan): .....
9. Alamat surat-menyurat: .....  
..... Poskod : .....
10. Jumlah Pendapatan Isi Rumah Sebulan : RM.....
11. Jumlah Tanggungan: .....
12. Nama Bank: .....
13. No. Akaun Bank : .....
14. Telah mendaftar dengan MSPO : Ya  Tidak

*Nota: i. Pohon sertakan salinan buku akaun bank yang aktif.*

*ii. Mohon nyatakan bagaimana pihak tuan/puan mendapat maklumat mengenai skim bantuan ini.*

**B. PERMOHONAN BANTUAN**

(Sila tandakan ✓ pada yang  berkenaan)

**Jenis bantuan ternakan yang dipohon :**

Itik Penelur     Ayam Daging     Ayam Kampung

*Nota: Keputusan kelulusan jenis ternakan yang akan dilaksanakan oleh pemohon adalah tertakluk kepada MPOB*

**C. MAKLUMAT TANAH**

(Sila tambah lampiran lain jika ruangan tidak mencukupi)

Bil	Perkara	(A) Lot Tanah Yang Bertanam Sawit	(B) Lot Tanah Yang Bertanam Tanaman Lain / Tanah Kosong / Tanah Sewa / Pajak
1.	No Geran/No Hakmilik		
2.	No Lot		
3.	Koordinat		
4.	Mukim		
5.	Daerah		
6.	Negeri		
7.	DUN		
8.	Parlimen		
9.	Kategori penggunaan tanah		
10.	Luas (hektar)		
11.	No Lesen MPOB		NA
12.	Umur sawit (tahun)		NA
13.	Topografi tanah		

**Nota :** Ruangan A **WAJIB** diisi dan isikan ruangan B sekiranya melaksanakan projek penternakan di tanah lain.


**D. PENGAKUAN PEMOHON**

- Adalah saya yang bertandatangan di bawah mengaku bahawa sepanjang pengetahuan saya semua maklumat yang dikemukakan di dalam borang permohonan ini adalah benar.
- Saya memberi kebenaran kepada MPOB untuk mengesahkan maklumat yang diberikan daripada pihak ketiga.
- Sekiranya MPOB mendapati bahawa terdapat maklumat palsu/tidak benar maka MPOB boleh menolak permohonan atau membatalkan kelulusan.

Tandatangan **atau** Cap Jari Pemohon: .....

Nama : .....

Tarikh: .....



Cap Jari Pemohon

**PERHATIAN :** Borang permohonan ini akan ditolak jika tidak memenuhi syarat permohonan / tidak lengkap diisi / tidak disertakan dokumen sokongan. Sila gunakan lampiran jika mana-mana ruang di borang ini tidak mencukupi.

UNTUK KEGUNAAN IBU PEJABAT;

**E. PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN**

Tandatangan, Cop Nama &amp; Jawatan Penerima :

Tarikh terima: .....

SETEM
-------

**SURAT WAKIL KUASA MENGUSAHAKAN TANAH UNTUK SKIM INSENTIF INTEGRASI TERNAKAN  
DENGAN SAWIT (ITe)**

1. Bahawasanya saya / kami pemilik tanah bertandatangan di bawah,

Bil.	Nama	No.K/P	No.Lot/Geran	Luas (ha)	Tandatangan	Tarikh

dengan ini memberi kebenaran kepada \_\_\_\_\_ no.kad pengenalan \_\_\_\_\_ yang merupakan salah seorang penama dalam geran tanah kami untuk mengusahakan tanah saya/kami daripada \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_ untuk tujuan berikut:

- a. \_\_\_\_\_
- b. \_\_\_\_\_

2. Bahawasanya saya / kami membuat akujanji ini dengan sukarela dan tanpa paksaan serta mengikut peruntukkan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Di hadapan saya (saksi):

.....

(Pesuruh Jaya Sumpah)

Tarikh: .....

*# Nota: Matikan setem hasil atau dapatkan pengesahan pesuruhjaya sumpah (salah satu)*

**SURAT AKUAN SUMPAAH PESERTA SKIM INSENTIF INTEGRASI TERNAKAN DENGAN SAWIT (ITe)**

Bahawa saya bernama.....No. K/P.....yang beralamat di.....dengan sucihati dan di atas kerelaan sendiri membuat pernyataan berikut:

- 2) Bahawa saya adalah pekebun kecil sawit persendirian yang telah membuat permohonan Skim Insentif Integrasi Ternakan Dengan Sawit (ITe) anjuran MPOB.
- 3) Bahawa saya akan melaksanakan projek penternakan \*ayam / itik (jika diluluskan) di lot yang sama seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan. Lot ini berada:-
  - a) 200 meter dari kawasan perbandaran, perumahan, pelancongan, perindustrian, tempat ibadat, bangunan dan kemudahan awam
  - b) jauh dari kolam, tasik, sungai dan sumber takungan air bersih bagi kegunaan awam
- 4) Bahawa saya akan melaksanakan projek penternakan \*ayam / itik ini dengan:-
  - a) menjaga kebersihan kawasan projek dan tidak akan mencemarkan alam sekitar
  - b) tidak menimbulkan sebarang rasa tidak senang di kalangan penduduk setempat
- 5) Bahawa saya akan memberikan kerjasama kepada pihak MPOB sepanjang pelaksanaan projek peternakan ini seperti:-
  - a) menghadiri sebarang program kursus atau latihan dianjurkan oleh pihak MPOB
  - b) memberi kerjasama sewaktu lawatan pemantauan oleh pihak MPOB
  - c) memberikan maklumat/data berkaitan projek penternakan ini kepada pihak MPOB
- 6) Bahawa saya **FAHAM** dan **BERSETUJU** bahawa bayaran pendahuluan (rujuk jadual bayaran di bawah) akan disalurkan ke akaun milik saya selepas permohonan saya untuk menyertai skim ITe ini diluluskan.

Saya juga **FAHAM** dan **BERSETUJU** bahawa saya bersedia untuk menerima sebarang risiko hukuman untuk **DIDENDA, DISENARAI HITAM** serta diambil tindakan **UNDANG-UNDANG** dan **MAHKAMAH** jika gagal menyiapkan projek yang telah diluluskan di dalam tempoh masa yang diberikan.

Saya **FAHAM** bahawa saya perlu **MEMBAYAR SEMULA** beserta **DENDA** kepada pihak MPOB dengan nilai wang pendahuluan yang telah disalurkan kepada saya jika saya menarik diri dari skim, didapati mengemukakan permohonan **PALSU**, mengemukakan dokumen bukti belian **PALSU** atau projek fizikal **PALSU** di sepanjang tempoh pelaksanaan Skim ITe ini dijalankan serta akan **MEMATUHI** tempoh perbelanjaan, spesifikasi reban & skop input projek yang ditetapkan oleh MPOB seperti berikut :-

**Jadual Bayaran untuk Pelaksanaan Skim ITe**

Perkara	Jenis Ternakan		
	Ayam Kampung	Itik Penelur	Ayam Daging
Pusingan Ternakan	1	1	2
<b>Lawatan tapak projek kali pertama (LP1) – semasa permohonan</b>			
<b>Bayaran Pertama:</b> - Untuk penyediaan reban ternakan sahaja termasuk kos upah.	<b>RM 3,500</b>		
Spesifikasi reban ternakan	18 x 25 kaki	15 x 20 kaki	18 x 25 kaki
Tempoh maksimum bagi bayaran ke-1 perlu dibelanjakan	1 bulan		

Lawatan projek kali kedua (LP2) – pengesahan reban siap dibina		
<b>Bayaran Kedua:</b> - Pembelian input projek ternakan yang berkaitan sahaja.	<b>RM 7,000</b>	
Skop input projek ternakan yang dibenarkan bagi bayaran pendahuluan kedua	Anak/benih ternakan, makanan, ubat-ubatan, ketaman kayu, jerami padi dan bahan keperluan lain yang berkaitan sahaja.	Anak/benih ternakan, makanan, ubat-ubatan ketaman kayu, jerami padi dan bahan keperluan lain yang berkaitan sahaja. <b>*Pusingan pertama</b>
Tempoh maksimum bagi bayaran kedua perlu dibelanjakan	2 bulan	
Lawatan projek kali ketiga (LP3) – semakan & pengesahan pembelian input projek		
<b>Bayaran Ketiga:</b> - Pembelian input projek ternakan yang berkaitan sahaja.	<b>RM 4,500</b>	
Skop input projek ternakan yang dibenarkan bagi baki bayaran	Makanan ternakan sahaja	Anak/benih ternakan, makanan dan ubat-ubatan sahaja. <b>*Pusingan kedua</b>

7) Bahawa saya faham sekiranya saya ingkar, abai/cuai untuk melaksanakan mana-mana arahan rasmi yang dikeluarkan oleh MPOB, maka ianya boleh dianggap sebagai suatu pelanggaran syarat kelulusan permohonan saya dan seterusnya MPOB mempunyai budi bicara mutlak untuk membatalkan kelulusan tersebut dan saya tidak mempunyai sebarang hak untuk membuat tuntutan atau gantirugi bagi kerja-kerja projek penternakan dibawah Skim Insentif Integrasi Ternakan Dengan Sawit (ITe).

DAN saya membuat Akuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa apa-apa yang terkandung di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya diatas iaitu :

(Nama) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ )

Di (alamat) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ )

Di Negeri \_\_\_\_\_

Pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ Tahun \_\_\_\_\_ )

\_\_\_\_\_ )  
di hadapan Saya

\* Pesuruhjaya Sumpah / Majistret / Hakim Mahkamah Sesyen

\* (Potong mana yang tidak berkenaan)

**Nota: (akujanji ini hendaklah disertakan semasa permohonan)**

\* potong mana yang tidak berkenaan